

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**TARIKH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2026**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2026 akan dilaksanakan seperti yang berikut:

Tarikh	Ujian/Peperiksaan
26 – 29 Oktober 2026	Ujian Bertutur Bahasa Melayu
02 – 05 November 2026	Ujian Bertutur Bahasa Inggeris
16 – 18 November 2026	Ujian Amali Sains
23 November 2026 – 17 Disember 2026	Peperiksaan Bertulis
30 November 2026	Ujian Mendengar Bahasa Melayu
01 Disember 2026	Ujian Mendengar Bahasa Inggeris

Secara keseluruhan, seramai 420,879 orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM Tahun 2026 di 3,334 buah pusat peperiksaan seluruh negara. Lembaga Peperiksaan akan mengumumkan jadual waktu peperiksaan SPM Tahun 2026 yang lengkap dalam waktu terdekat.

KPM komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan SPM Tahun 2026 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
18 OGOS 2026**